

PM harap gabungan parti Melayu kekal kerjasama

Arau: Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap gabungan parti politik Melayu yang membentuk kerajaan Perikatan Nasional (PN) dapat mengekalkan kerjasama sedia ada dan terus kukuh bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beliau menyerahkan kepada pimpinan parti gabungan termasuk UMNO dalam menentukan kerjasama politik menjelang PRU-15.

Beliau yang juga Pengerusi PN menjelaskan, pihaknya melihat kerjasama dalam PN masih kukuh selepas PAS mengumumkan kekal dalam gabungan itu dan bersedia meneruskan perancangan membantu rakyat.

“Kita sudah bincang pada Mesyuarat Biro Politik BERSATU (Parti Pribumi Bersatu Malaysia) semalam, dan kita sudah adakan mesyuarat bersama PAS.

“PAS sudah menyatakan pendirian yang cukup kukuh untuk kekal bersama PN dan meneruskan apa yang dirancang, selain kita akan memperkukuh kerjasama antara parti politik sedia ada,” katanya pada sidang media di Pusat Vaksin Klinik Kesihatan Gial di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Muhyiddin

berkata, rakyat dilihat dapat menerima PN dan gabungan parti politik Melayu yang mentadbir negara ketika ini.

“Saya fikir tidak menjadi masalah kerana kita mahu melihat gabungan parti Melayu kalau boleh terus kekal abadi ke hadapan kerana rakyat suka. Tetapi apapun saya serah kepada rakan pimpinan parti lain (yang enggan bersama PN) menentukannya kerana kita di dalam PN masih kukuh,” katanya.

Sebelum ini, UMNO dilaporkan menghantar surat kepada Perdana Menteri berhubung keputusan Majlis Tertinggi (MT) parti itu untuk menamatkan kerjasama bersama BERSATU pada PRU-15. Bagaimanapun, surat bertarikh 26 Februari itu juga menyatakan kebersamaan UMNO dengan kerajaan PN boleh diteruskan hingga pembubaran Parlimen.

Berikutan surat itu, Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainuddin dalam kenyataannya kelmarin, menyatakan parti itu memandang serius kandungan surat yang dihantar Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Jelasnya, kandungan surat itu mempunyai implikasi yang besar terhadap kerjasama antara UM-



Muhyiddin hadir pada majlis tertutup perjumpaan PN Negeri Perlis, di Kangar semalam.

(Foto BERNAMA)

NO, BERSATU dan PN pada masa hadapan.

Sementara itu, Ketua Penerangan PN, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pimpinan UMNO diharap terus bekerjasama dan meneliti semula keputusan parti itu untuk tidak bekerjasama dengan BERSATU pada PRU akan datang.

PN sedia bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan ke-

rajaan yang dipimpin Muhyiddin stabil dan kukuh bagi meneruskan usahanya membantu rakyat ketika pandemik COVID-19.

“Kita berharap pimpinan tertentu dalam UMNO dapat ambil sikap untuk teliti semula keputusan itu. PN ini dibentuk dengan cita-cita yang cukup murni, perpaduan itu amat penting, pemeliharaan terhadap perlembagaan

dan undang-undang itu perlu dijunjung, kita mahu kestabilan dalam negara ini dipelihara.

“Kita tidak mahu mana-mana pihak melakukan tindakan tidak bertanggungjawab, yang akan menyebabkan ketidakstabilan terhadap kerajaan kerana ia akan menyebabkan rakyat menjadi mangsa,” katanya selepas melawat Balai Polis Hulu Klang, semalam.